

12 setempat

19-09-2017

Bomba arah pemilik pusat tahfiz pindah pelajar dari rumah kedai

Raja Noraina Raja Rahim
noraina@metro.com.my

Seremban

Sebuah pusat tahfiz yang beroperasi di daerah ini diarah untuk mengosongkan asrama pelajar susulan pemeriksaan yang dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan mendapati pengusahanya gagal mematuhi aspek keselamatan.

Pengarah JBPM Negeri Sembilan Norazam Khamis berkata, pihaknya akan mengeluarkan notis pengosongan asrama di tingkat tiga bangunan rumah kedai berkenaan, minggu ini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mengejut yang di-

lakukan pada Jumaat lalu mendapati antara kesalahan dikesan seperti warden dan pelajar tidak mengetahui tempat simpanan kunci pintu menghubungkan bilik asrama dengan tangga kecemasan.

"Kami mengarahkan pihak pengurusan pusat tahfiz itu memindahkan pelajar ke premis lain yang lebih selamat. Mereka juga diarah supaya mematuhi notis memastikan asrama itu selamat, sebelum kami boleh memberikan kebenaran untuk digunakan semula," katanya ketika dihubungi, semalam.

Selain itu, Norazam berkata, kebanyakan pengendali pusat tahfiz di negeri ini kurang kesedaran mengenai aspek keselamatan dan tidak memahami prosedur yang membolehkan bangunan dijadikan asrama.

"Kebanyakan pemilik pusat tahfiz atau madrasah kecil yang mempunyai bilangan pelajar tidak ramai berkemungkinan kurang memberi perhatian terhadap aspek keselamatan kebakaran.



Kesan bibit bencana

NORAZAM ketika pemeriksaan mengejut di asrama pusat tahfiz di Seremban, Jumaat lalu.

"Ada juga pemilik yang tidak begitu memahami prosedur yang memerlukan mereka mendapat kebenaran pihak berkuasa untuk membolehkan bangunan

dijadikan asrama," katanya. Menurutnya, terdapat kira-kira lapan pusat tahfiz belum berdaftar di negeri ini, manakala pemeriksaan ke atas 31 pusat tahfiz yang

berdaftar mendapati mereka mematuhi garis panduan keselamatan kebakaran ditetapkan.

Katanya, pihaknya akan membuat lawatan ke pusat

tahfiz di negeri ini dan bertemu pemilik untuk memberi nasihat mengenai peraturan keselamatan kebakaran seterusnya meminta mereka mematuhi.